

# **GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK**

**PEJABAT PENDAFTAR**

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN  
ARAS 1, BANGUNAN CANSELORI  
KAMPUS GONG BADAK  
21300 KUALA TERENGGANU  
TEL: 096688888**

Hakcipta terplihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Pendaftar, Universiti Sultan Zainal Abidin Terlebih Dahulu.

*All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system without permission in writing from Office Of The Registrar, University Sultan Zainal Abidin.*

Diterbitkan Di Malaysia Oleh / Published In Malaysia By  
Pejabat Pendaftar, Universiti Sultan Zainal Abidin  
Aras 1, Bangunan Canselor  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia Oleh / Printed In Malaysia By  
Nri Equipment Resources  
922-U-1, 1st Floor,Simpang Tok Ku,  
20100 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA

# **KANDUNGAN**

<i>Ringkasan Eksekutif</i>	i
<i>Prakata</i>	ii
<i>Kata Aluan</i>	iii
<i>Kata Pengantar</i>	iv
<i>Sekapur Sireh</i>	v
 1. Pengenalan	
1.1 Kenaikan pangkat pensyarah universiti	1
1.2 Kenaikan pangkat pensyarah universiti gred 45 yang memperolehi Ph.D	3
1.3 Kenaikan pangkat Guru Bahasa	3
1.4 Kenaikan pangkat staf yang dilantik secara pertukaran sementara dan pinjaman	4
1.5 Kenaikan pangkat staf yang dilantik memegang jawatan pentadbir akademik	5
 2. Syarat-Syarat Kenaikan Pangkat Mengikut Skim Perkhidmatan	6
2.1 Syarat-Syarat Kenaikan Pangkat Mengikut Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti	6
2.2 Syarat-Syarat Tambahan Kenaikan Pangkat Pensyarah Perubatan, Pergigian Dan Farmasi Berdasarkan Laluan Kerjaya Di KKM	7
2.3 Laluan Kerjaya Baharu Pensyarah Perubatan Ke Gred DS54 (Prof. Madya) dan Gred KhasC VK7 (Profesor)	8
2.4 Kenaikan Pangkat Gred Prof. Dari Prof. Gred Khas C VK7 ke Gred Khas B VK6 dan dari Gred Khas B VK6 ke Gred Khas A VK5	9
 3. Proses Dan Prosedur Permohonan	
3.1 Proses Dan Prosedur Permohonan Bagi Pensyarah Universiti	11
3.2 Proses Dan Prosedur Permohonan Bagi Guru Bahasa	12

4.	Kriteria Tahap Kecemerlangan		
4.1	Kriteria Tahap Kecemerlangan Pensyarah Universiti	13	
4.2	Kriteria Tahap Kecemerlangan Guru Bahasa	15	
5.	Kriteria Saringan / Penapisan	17	
6.	Penilai Luar kenaikan pangkat	20	
7.	Jawatankuasa Pemilih Dan Pihak Berkuasa Meluluskan Kenaikan Pangkat	22	
8.	Penutup/Pindaan Dasar dan Polisi	24	
Lampiran A	-	Kriteria Kenaikan Pangkat Pensyarah Perubatan Bagi Laluan Kerjaya Pendidik, Penyelidik dan klinikal serta Kepimpinan	27
Lampiran B	-	Penilaian 360'	32
Lampiran C	-	Carta Alir Proses Permohonan Kenaikan Pangkat	35
Lampiran D	-	Wajaran/Peratusan Markah Secara Umum Kriteria Kenaikan Pangkat Pensyarah Gred 52 – Gred Khas A	36
Lampiran E	-	Wajaran / Peratusan Markah Kriteria Kenaikan Pangkat Pensyarah Gred 52-Khas A Bagi Laluan Institut	37
	-	Wajaran Dan Cara Menilai Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Pensyarah Universiti Gred DS52	38
	-	Wajaran Dan Cara Menilai Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Pensyarah Universiti Gred DS54	39
	-	Wajaran Dan Cara Menilai Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas C (VK 7)	42
	-	Wajaran Dan Cara Menilai Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas B (VK 6)	45
	-	Wajaran Dan Cara Menilai Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas A (VK 5)	48
Lampiran F	-	Kriteria Kenaikan Pangkat Untuk Bidang Sains & Teknologi, Sains Sosial & Kemanusiaan, Klinikal – Pensyarah Perubatan dan Klinikal – Pensyarah	51
Lampiran G	-	Wajaran/Peratusan Markah Secara Umum Kriteria	59

## Kenaikan Pangkat Guru Bahasa Gred 44 – Gred 54

-	Wajaran Dan Cara Menilai Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Guru Bahasa Gred DG44	60
-	Wajaran Dan Cara Menilai Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Guru Bahasa Gred DG48	61
-	Wajaran Dan Cara Menilai Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Guru Bahasa Gred DG52	62
-	Wajaran Dan Cara Menilai Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Guru Bahasa Gred DG54	63
Lampiran H	- Senarai Semak Saringan Kenaikan Pangkat	64
Lampiran I	- Carta Aliran Prosedur Penilaian Kenaikan Pangkat	65
Lampiran J	- Laporan Penilaian jawatankuasa Kesepakaran Fakulti Bagi Permohonan Kenaikan Pangkat	66
Lampiran K	- Borang Permohonan Kenaikan Pangkat Pensyarah Universiti Gred 45 Ke Gred 52 Kerana Telah Memperolehi Ph.D	69
Lampiran L	- Permohonan Kenaikan Pangkat Pensyarah Perubatan Berdasarkan Laluan Kerjaya di KKM	71
Lampiran M	- Curricular Vitae Untuk Permohonan Kenaikan Pangkat	73
Lampiran N	- Panduan Penamaan Perujuk Peribadi	84
Lampiran O	- Borang Penamaan Perujuk Peribadi	85
Lampiran P	- Borang Laporan Perujuk Peribadi	86
Lampiran Q	- Borang Laporan Dekan	88

# **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Garis Panduan ini disediakan bertujuan memberi penerangan mengenai tatacara proses dan prosedur kenaikan pangkat staf akademik di mana satu peraturan yang standard ditetapkan bagi semua fakulti dan PTj yang mesti dipatuhi oleh pemohon, Ketua Jabatan, Dekan Fakulti / Pengarah Institut dan semua pihak yang terlibat. Di samping itu, garis panduan ini menjadi rujukan kepada pemohon tentang langkah-langkah yang perlu diambil sebelum membuat permohonan selain menjadi panduan kepada urus setia dalam mengurus dan mengawal selia semua proses dan prosedur kenaikan pangkat. Penerbitan Buku Garis Panduan ini memainkan peranan penting di mana Pemohon dan Urus Setia Fakulti dapat memantau perjalanan proses kenaikan pangkat dengan lebih sistematik dan teratur.

Pindaan sehingga 05 Mei 2016

# **PRAKATA**

*Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera*

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Unit Kenaikan Pangkat dan Prestasi), Pejabat Pendaftar UniSZA atas usaha dan inisiatif menerbitkan buku Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UniSZA ini yang memainkan peranan penting sebagai satu panduan dan rujukan khususnya kepada seluruh staf akademik UniSZA.

Dengan penerbitan buku ini adalah diharapkan ianya menjadi satu sumber maklumat yang lengkap mengenai garis panduan kenaikan pangkat kepada semua staf akademik UniSZA. Saya melihat pendokumentasian buku garis panduan ini adalah untuk menyediakan maklumat yang tepat kepada semua staf akademik berhubung proses, prosedur dan kriteria yang digunakan dalam menilai dan seterusnya memberi kenaikan pangkat kepada staf akademik.

Sejajar dengan proses transformasi universiti, langkah proaktif ini sekaligus memperlihatkan dengan lebih jelas mengenai perancangan serta arah tuju UniSZA demi masa hadapan yang lebih gemilang untuk difahami dan dihayati oleh staf akademik khususnya. Ini adalah kerana peranan melahirkan staf akademik yang cemerlang bukan hanya terletak pada fungsi Universiti secara keseluruhannya tetapi memerlukan kesungguhan serta ketekunan staf akademik sepanjang menyumbang bakti di UniSZA ini.

Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah atas penerbitan buku Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UniSZA yang komprehensif dan teratur ini.

Selamat Maju Jaya.

Naib Canselor  
Universiti Sultan Zainal Abidin

# **KATA ALUAN**

*Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera*

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Unit Kenaikan Pangkat dan Prestasi), Pejabat Pendaftar UniSZA atas kesungguhan dan komitmen yang diberikan dalam mengemaskini dan menerbitkan buku Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UniSZA ini. Usaha ini merupakan sebahagian daripada pelan transformasi UniSZA fasa ke-2 bagi meningkatkan urustadbir menjadi lebih efisyen.

Buku garis panduan ini amat penting kerana ia merupakan satu wadah bagi memudahkan dan melancarkan proses kenaikan pangkat staf akademik UniSZA. Penerbitan buku garis panduan ini bukan sahaja dapat membantu memudahkan staf akademik yang memohon kenaikan pangkat, malah dapat membantu memudahkan kerja bagi semua yang terlibat dalam proses dan prosedur kenaikan pangkat.

Usaha murni sebegini perlu dicontohi dan diterapkan dalam semua lapisan organisasi bagi menjamin kelancaran sesuatu proses dan prosedur kerja. Apa yang penting, kepada semua staf akademik UniSZA diharapkan dapat menjadikan buku garis panduan ini sebagai suatu sumber rujukan yang dapat memberi manfaat dan digunakan dengan optimum agar semua staf akademik UniSZA dapat meningkatkan prestasi kerja semaksimum mungkin demi masa depan yang lebih gemilang.

Tahniah sekali lagi diucapkan kepada semua yang terlibat dalam pemurnian dan penerbitan buku garis panduan ini. Jutaan terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

Sekian, wassalam.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Sultan Zainal Abidin

# **KATA PENGANTAR**

*Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah rahmatnya dan izinnya jua buku Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UniSZA dapat diterbitkan. Kenaikan pangkat adalah suatu elemen dalam inisiatif Pihak Pengurusan Universiti untuk mengiktiraf pencapaian serta sumbangan staf universiti. Pada masa yang sama, dapat menyuntik semangat dan kesungguhan staf dalam memajukan diri demi menggalas amanah yang diberikan oleh universiti dan masyarakat.

Sebelum buku garis panduan ini diterbitkan, ianya telah melalui beberapa fasa penambahbaikan dan pemurnian agar proses, prosedur dan kriteria kenaikan pangkat yang digunakan adalah relevan dengan situasi staf akademik UniSZA pada masa yang sama menepati piawaian yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Jabatan Pengajian Tinggi). Proses pemurnian garis panduan kenaikan pangkat yang telah dijalankan adalah sangat penting dalam membantu UniSZA mencapai misi untuk menjadi sebuah universiti komprehensif dan seterusnya ke arah mencapai tahap universiti penyelidikan pada suatu masa kelak, InsyaAllah.

Penerbitan buku ini juga adalah inisiatif daripada Pihak Pengurusan UniSZA dalam menyediakan satu garis panduan yang lebih mantap. Semoga buku garis panduan ini dapat membantu dan memudahkan semua pihak yang terlibat dalam proses kenaikan pangkat staf akademik untuk mempraktikkan sistem yang ‘standard’ dan seragam demi menjamin ketelusan pelaksanaan proses tersebut.

Kepada semua yang terlibat, saya ucapkan ribuan terima kasih dan tahniah atas penerbitan buku Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UniSZA.

Sekian, wassalam.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Universiti Sultan Zainal Abidin

# **SEKAPUR SIRIH**

*Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera*

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya buku Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UniSZA dapat diterbitkan dengan kerjasama dan kesungguhan daripada semua pihak.

Seiringan dengan perkembangan pesat UniSZA sejak akhir-akhir ini pelbagai usaha dan inisiatif dilaksanakan oleh semua pihak di dalam universiti termasuk Pihak Pengurusan Universiti dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan. Di atas kesedaran ini, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Unit Kenaikan Pangkat dan Prestasi), Pejabat Pendaftar UniSZA telah mengambil langkah proaktif untuk menerbitan buku garis panduan ini dalam menyediakan perkhidmatan yang efektif, telus dan mantap.

Buku ini diterbitkan dengan harapan dapat memudahkan dan membantu staf akademik dalam memahami proses, prosedur dan kriteria kenaikan pangkat yang diaplikasikan di UniSZA. Di samping itu, memudahkan juga pihak yang terlibat dalam mengurus serta mengendalikan proses kenaikan pangkat staf akademik.

Terima kasih tidak terhingga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku garis panduan ini. Semoga buku ini dapat memberi manfaat yang besar kepada semua pihak sebagai satu rujukan dan panduan yang penting.

Sekian, terima kasih.

Pendaftar  
Universiti Sultan Zainal Abidin

## **1.0 PENGENALAN**

Eksesais kenaikan pangkat adalah untuk memberi peluang peningkatan kerjaya kepada staf yang kecemerlangannya terbukti dalam bidang berkaitan dan sesuai bagi jawatan berkenaan di Universiti Sultan Zainal Abidin.

### **1.1 Kenaikan Pangkat Pensyarah Universiti**

Dokumen ini menggariskan polisi dan prosedur bagi urusan kenaikan pangkat Pensyarah Universiti yang meliputi kenaikan pangkat atau peningkatan gred dalam kategori-kategori berikut:

<b>Kenaikan Pangkat dalam Keadaan Biasa</b>		
<b>Dari Gred Jawatan</b>	<b>Ke Gred Jawatan</b>	<b>Tahap Kecemerlangan Akademik</b>
Gred 45	Gred 52	Istimewa mutunya
Gred 51/52	Gred 54 (Profesor Madya)	Sangat istimewa mutunya
Gred 53/54 (Profesor Madya)	Gred Khas C (Profesor)	Terkemuka mutunya
Gred Khas C (Profesor)	Gred Khas B (Profesor)	Sangat terkemuka mutunya
Gred Khas B (Profesor)	Gred Khas A (Profesor)	Luar biasa mutunya
<b>Kenaikan Pangkat dalam Keadaan Istimewa</b>		
Gred 45	Gred 54 (Profesor Madya)	Sangat istimewa mutunya
Gred 45	Gred Khas C (Profesor)	Terkemuka mutunya
Gred 51/52	Gred Khas C (Profesor)	Terkemuka mutunya
Gred Khas C (Profesor)	Gred Khas A (Profesor)	Luar biasa mutunya
<b>Profesor Ulung</b>		
Gred Khas A (Profesor)	Gred Khas Turus III (Profesor Ulung)	Terkemuka mutunya
Gred Khas Turus III (Profesor Ulung)	Gred Khas Turus II (Profesor Ulung)	Luar biasa mutunya
Gred Khas Turus II (Profesor Ulung)	Gred Khas Turus I (Profesor Ulung)	Unggul mutunya
Gred Khas C (Profesor) dan Ke Atas	Ketua Eksekutif	Luar biasa mutunya

- 1.1.1 Polisi ini tidak terpakai kepada Pensyarah Universiti bertaraf kontrak, sementara dan calon luar yang dilantik terus untuk memegang jawatan naik pangkat.
- 1.1.2 Kriteria kenaikan pangkat yang digariskan dalam polisi ini adalah berdasarkan kepada Skim Perkhidmatan Pensyarah.

Universiti / Perubatan / Pergigian di bawah Sistem Saran Malaysia (kuat kuasa mulai 1 September 2010), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UniSZA.

- 1.1.3 Bagi kes-kes keperluan mendesak seperti pensyarah perubatan / setara, dua laluan sistem kenaikan pangkat akan digunakan, iaitu:
  - a) Kenaikan pangkat berdasarkan tempoh berkhidmat (*time-based*) seperti dilaksanakan di KKM, tetapi tidak membawa gelaran Profesor Madya dan Profesor kerana kenaikan tersebut tidak berasaskan kecemerlangan ahli akademik seperti aspek penyelidikan dan penerbitan. Walau bagaimanapun bagi gred khas B dan ke atas, perlulah menggunakan kriteria kecemerlangan akademik; dan
  - b) Kenaikan pangkat mengikut kriteria kecemerlangan ahli akademik yang menggunakan garis dasar yang disediakan oleh universiti.
- 1.1.4 Mesyuarat LPU Bil.19/2011 bertarikh 26 Januari 2011 telah bersetuju menerima pakai Surat Pekeliling JPA berkenaan Pelaksanaan Urusan Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Perubatan / Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi Berdasarkan Laluan Kerjaya di KKM dan pemanjangan pelaksannya kepada pensyarah Perubatan / Pergigian dan Farmasi di UniSZA.(KPT.S.500-6/10 Jld 7 (8) bertarikh 29 Mac 2010).
- 1.1.5 Pegawai yang sedang Cuti Belajar tetapi telah memenuhi syarat kenaikan pangkat adalah layak untuk memohon. Walau bagaimanapun, urusan kenaikan pangkat akan ditangguhkan sehingga pemohon lulus pengajian dan tarikh kuatkuasa kenaikan pangkat ditetapkan setelah kelulusan Mesyuarat Pengurusan Universiti. Semua perbelanjaan bagi sebarang urusan kenaikan pangkat termasuk menghadiri temu duga adalah di bawah tanggungan calon sendiri.
- 1.1.6 Walau apapun syarat permohonan di atas, Naib Canselor boleh menjemput mana-mana calon lain yang diiktiraf layak dinaikkan pangkat untuk membuat permohonan atau menghadiri temuduga.
- 1.1.7 Pada umumnya kenaikan pangkat staf akademik tidak berasaskan kekosongan jawatan. Kenaikan pangkat mereka hendaklah berasaskan kepada kecemerlangan akademik yang telah dicapai oleh staf.

## **1.2 Kenaikan Pangkat Pensyarah Universiti Gred 45 Yang Memperolehi Ph.D**

- 1.2.1 Mesyuarat LPU kali ke-9/2008 bertarikh 26 Oktober 2008 telah menetapkan syarat-syarat berikut untuk kenaikan pangkat ke Gred DS52 bagi pensyarah Universiti Gred DS45 yang mempunyai kelulusan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D):
- a) Disahkan Jawatan
  - b) Telah mengisyiharkan harta
  - c) Bebas dari tindakan tatatertib
  - d) Mencapai markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 80% bagi tiga tahun berturut-turut (calon yang cuti belajar dipertimbangkan melalui laporan kemajuan pengajian).
- 1.2.2 Pensyarah tersebut juga tidak perlu melalui proses penilaian berdasarkan prinsip-prinsip umum kenaikan pangkat untuk ke gred 52 di jawatan Pensyarah Kanan tersebut.
- 1.2.3 Berasaskan kelonggaran yang diberikan, bahan-bahan/hasil akademik dan lain-lain maklumat bagi tujuan kenaikan pangkat ke Jawatan Profesor Madya Gred 54 dan ke atas adalah dinilai berdasarkan bahan-bahan/hasil akademik dan lain-lain maklumat di jawatan semasa, iaitu dari lantikan di Gred 52 agar calon-calon dapat memberikan hasil/sumbangan atau melibatkan diri demi pembangunan organisasi.
- 1.2.4 Tarikh kuatkuasa kenaikan pangkat ditetapkan pada bulan berikutnya setelah mendapat pengesahan anugerah Ijazah Kedoktoran dari Universiti berkenaan.

## **1.3 Kenaikan Pangkat Guru Bahasa**

- 1.3.1 Kenaikan pangkat Guru Bahasa tidak berdasarkan kekosongan jawatan kerana gred skim perkhidmatan tersebut telah ditukar kepada gred fleksi. Peningkatan gred untuk urusan kenaikan pangkat Guru Bahasa adalah seperti berikut:

<b>Dari Gred Jawatan</b>	<b>Ke Gred Jawatan</b>
Gred DG41	Gred DG44
Gred DG44	Gred DG48
Gred DG48	Gred DG52
Gred DG52	Gred DG54

- 1.3.2 Guru Bahasa adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG44/DG48/DG52/DG54 yang kosong apabila telah:
- a) Disahkan dalam perkhidmatan
  - b) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
  - c) Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan dan
  - d) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- 1.3.3 Polisi ini tidak terpakai kepada Guru Bahasa bertaraf kontrak, sementara dan calon luar yang dilantik terus untuk memegang jawatan naik pangkat.
- 1.3.4 Kenaikan pangkat yang digariskan dalam polisi ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 28 tahun 2013, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UniSZA.

**1.4 Kenaikan Pangkat Staf yang dilantik secara pertukaran sementara dan pinjaman.**

- 1.4.1 Staf yang dilantik secara pertukaran sementara atau pinjaman ke agensi luar, layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi di jawatan hakikinya. Urusetia di peringkat fakulti akan bertanggungjawab memaklumkan kepada staf yang sedang dipinjam secara pertukaran sementara atau pinjaman mengenai iklan / pelawaan kenaikan pangkat.
- 1.4.2 Laporan Ketua Jabatan dan Penilaian Prestasi hendaklah dibuat oleh pihak majikan di tempat staf itu bertugas sebagai tambahan dan perakuan Ketua Jabatan di tempat bertugas hakiki Staf.

## **1.5 Kenaikan Pangkat Staf Yang Dilantik Memegang Jawatan Pentadbir Akademik**

1.5.1 Staf yang dilantik memegang jawatan pentadbir akademik layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan hakikinya dan permohonan hendaklah dilakukan melalui fakulti masing-masing. Pihak universiti boleh memberi pertimbangan khusus dengan melihat sumbangan pentadbir akademik dalam membangunkan fakulti serta universiti dalam bidang akademik dan penyelidikan.

## **2.0 SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN**

### **2.1 Syarat-Syarat Kenaikan Pangkat Mengikut Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti**

Kriteria Asas Syarat Skim Perkhidmatan Pensyarah	Kenaikan Pangkat Dalam Keadaan Biasa				Kenaikan Pangkat Dalam Keadaan Istimewa		
	DS/DU 45	DS/DU 51/52 (Pensyarah Kanan)	DS/DU 53/54 (Profesor Madya)	Gred Khas C (Profesor)	DS/DU 45	DS/DU 45	DS/DU 51/52 (Pensyarah Kanan)
	DS/DU 52 (Pensyarah Kanan)	DS/DU 54 (Profesor Madya)	Gred Khas C (Profesor)	Gred Khas yang lebih tinggi	DS/DU 54 (Profesor Madya)	Gred Khas C (Profesor)	Gred Khas C (Profesor)
1. Disahkan dalam perkhidmatan	√	√	√	√	√	√	√
2. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu Laporan Nilaian Prestasi Tahunan yang baik (80% dan ke atas) bagi tempoh 3 tahun terakhir	√	√	√	√	√	√	√
3. Diperakukan oleh Ketua Jabatan	√	√	√	√	√	√	√
4. Pencapaian tahap kecemerlangan akademik	Istimewa mutunya	Sangat Istimewa mutunya	Terkemuka mutunya	Terkemuka mutunya	Sangat Terkemuka Mutunya	Sangat Luar Biasa Mutunya	Luar Biasa Mutunya
5. Bebas dari tindakan tatatertib	√	√	√	√	√	√	√
6. Telah mengisyiharkan harta	√	√	√	√	√	√	√
7. Syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.	√	√	√	√	√	√	√
8. Lulus Tapisan SPRM	√	√	√	√	√	√	√
9. Bebas daripada pemimjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan	√	√	√	√	√	√	√

**2.2 Syarat-Syarat Tambahan Kenaikan Pangkat Pensyarah Perubatan, Pergigian dan Farmasi Berdasarkan Laluan Kerjaya di KKM**

Gred	Skim Perkhidmatan			Catatan
	Perubatan/Pergigian	Farmasi		
	Pakar	Bukan Pakar		
Gred 51/52 ke Gred 53/54	2 tahun di Gred 51/52	3 tahun di Gred 51/52	3 tahun di Gred 51/52	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Tempoh keseluruhan untuk berada di Gred 53/54 daripada tarikh lantikan	9 Tahun (pengalaman dan perkhidmatan dalam bidang perubatan)	12 tahun (pengalaman dan perkhidmatan dalam bidang perubatan)	14 tahun (pengalaman dan perkhidmatan dalam bidang perubatan)	
Gred Khas 'C' dan ke atas	Tertakluk kepada syarat kenaikan pangkat universiti			

**Catatan:**

**Pensyarah Perubatan masih perlu melepasi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagaimana di para 2.**

**2.3 Laluan Kerjaya Baharu Pensyarah Perubatan Ke Gred DU54 (Profesor Madya) Dan Gred Khas C VK7(Profesor)**

2.3.1 Pensyarah Perubatan yang dilantik dan telah disahkan dalam perkhidmatan pada Gred DU51 atau DU53 dengan perakuan Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan boleh memilih satu dari tiga (3) laluan kerjaya seperti berikut:

- i) Laluan Pendidik (Teaching)
- ii) Laluan Penyelidik (Research)
- iii) Laluan Klinikal (Clinical ; Practise and Leadership).

2.3.2 Tiga (3) laluan kerjaya baharu ini mengekalkan tiga (3) kompenan utama sedia ada dalam perkhidmatan Pensyarah Perubatan iaitu Perkhidmatan klinikal, pengajaran & penyeliaan dan penyelidikan & penerbitan. Wajaran pemarkahan bagi kompenan perkhidmatan Pensyarah Perubatan berdasarkan laluan kerjaya baharu adalah seperti Jadual berikut:-

Jadual : Laluan Kerjaya dan wajaran/peratusan Markah

Laluan Kerjaya	Wajaran Penilaian		
	Perkhidmatan Klinikal	Pengajaran & Penyeliaan	Penyelidikan & Penerbitan
Pendididik (Teaching)	10-25	50-80	10-25
Penyelidik (Research)	10-25	10-25	50-80
Klinikal (Clinical)	50-70	15-25	15-25

Wajaran pemarkahan untuk urusan pemangkuhan dan kenaikan pangkat secara umumnya adalah berdasarkan penilaian Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan kriteria Kecemerlangan yang ditetapkan oleh universiti. Sebagai panduan dalam pelaksanaan laluan kerjaya baharu Pensyarah Perubatan,

kriteria kecemerlangan bagi kenaikan pangkat berdasarkan laluan kerjaya adalah seperti di **Lampiran A**.

## **2.4 Kenaikan Pangkat Gred Profesor Dari Profesor Gred Khas C (VK7) Ke Gred Khas B (VK6) Dan Profesor Gred Khas B (VK6) Ke Gred Khas A (VK5)**

2.4.1 Kaedah yang digunakan bagi mengukur penilaian staf akademik untuk dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor gred Khas B (VK6) dan Gred Khas A (VK5) setelah melalui proses jemputan secara rasmi oleh Pejabat Naib Canselor adalah seperti berikut:-

- i. Penyediaan latar diri (curricular vitae)
- ii. penilaian 360' oleh 1/3 ahli akademik fakulti, profesor gred A dari Fakulti/Pusat/Institut termasuk laporan pakar dari luar dan dalam bidang calon (Rujuk **Lampiran B**)
- iii. penilaian esei untuk tujuan pertimbangan Jawatankuasa Kesepakaran/Pemilih seperti berikut:-
  - kecemerlangan calon dalam bidang kepakaran dengan ukuran pencapaian berdasarkan 3R (Relevant, Referred, Respected)
  - sumbangan dan keterlibatan dalam 6 Keberhasilan Utama (KRA)
  - perancangan selepas dilantik ke jawatan yang dipohon

2.4.2 Prosedur yang ditambahbaik adalah sepetimana berikut.

- i. Jemputan peningkatan gred melalui pelawaan surat dari Pejabat Naib Canselor.
- ii. Calon memohon melalui Kedekanan Fakulti/Pusat/Unit, dan Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Unit juga diminta mengemukakan laporan/ulasan bertulis calon yang memohon.
- iii. Calon menyediakan latar diri (Curricular Vitae) dengan lampiran surat/dokumen yang berkaitan.
- iv. Calon menyediakan esei 600 patah perkataan untuk tujuan pertimbangan Jawatankuasa Kesepakaran/Pemilih seperti berikut :-
  - Kecemerlangan calon dalam bidang kepakaran dengan ukuran pencapaian berdasarkan 3R (*Relevant, Referred, Respected*);
  - Sumbangan dan keterlibatan dalam 6 Keberhasilan Utama (KRA);

- Perancangan selepas dilantik ke jawatan yang dipohon.
- v. Calon perlu mengemukakan maklumat di atas ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Pendaftar.
- vi. Setiap calon akan melalui proses penilaian 360° daripada :
- Keseluruhan ahli akademik Fakulti (sekurang-kurangnya mendapat maklum balas 1/3 dari serakanan calon);
  - Profesor Gred A dari Fakulti/Pusat;
  - 3 laporan pakar dari luar dan dalam bidang calon.
- vii. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kesepakaran peringkat Universiti diadakan dengan keahlian berikut :
- |            |   |   |
|------------|---|---|
| Pengerusi  | : | TNC P&P   |
| Ahli       | : | 2 orang Ahli Senat Gred A atau B                      |
|            | : | Dekan/Pengarah  |
|            | : | Seorang ahli Fakulti/Pusat dalam bidang               |
|            | : | Seorang Profesor luar UniSZA dalam bidang             |
| Setiausaha | : | Timbalan Pengarah, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia |
- iv. Terma rujukan Jawatankuasa adalah :
- i) Untuk menilai dan memberi pandangan kesesuaian calon ke Gred yang dipohon berasaskan kepada 5 kriteria utama iaitu Pendidikan, Penyelidikan, Sanjungan, Kepimpinan Akademik & Pengurusan dan Khidmat Masyarakat;
  - ii) Memberi imput kepada Jawatankuasa Pemilih;
  - iii) Mengesyorkan perakuan ke Jawatankuasa Pemilih.
- v. Perakuan keputusan Jawatankuasa Pemilih untuk kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.
- vi. Surat pemakluman/tawaran kepada calon.

**2.4.3 Syarat tambahan kepada syarat-syarat sedia ada bagi tujuan kenaikan pangkat ke jawatan Gred Khas B (VK6) Atau Gred Khas A (VK5) adalah seperti manapun berikut.**

- i. Calon perlu mengemukakan borang permohonan untuk menyampaikan Syarahan Perdana (Inaugural) daripada Profesor Gred Khas C (VK7) ke Pejabat Pendaftar.
- ii. Borang Permohonan Menyampaikan Syarahan Perdana (Inaugural) boleh dimuat turun daripada laman sesawang Pejabat Pendaftar.
- iii. Carta alir Pengurusan Syarahan Perdana (Inaugural) boleh dirujuk dalam Garis Panduan Syarahan Perdana (Inaugural) di laman sesawang Pejabat Pendaftar.

### **3.0 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN**

Prosedur dalam menjalankan proses pemilihan untuk kenaikan pangkat adalah seragam, teliti dan telus untuk menjamin keadilan kepada Pensyarah Universiti / Guru Bahasa yang benar-benar layak dan cemerlang.

#### **3.1 Proses dan Prosedur Permohonan bagi Pensyarah Universiti**

- 3.1.1 Permohonan untuk pertimbangan kenaikan pangkat pensyarah universiti adalah **terbuka sepanjang tahun** mengikut format yang telah ditetapkan. Namun demikian, kekerapan eksesais kenaikan pangkat adalah ditetapkan sebagaimana dibawah :
- Kekerapan eksesais kenaikan pangkat Profesor : 1 tahun sekali
  - Kekerapan eksesais kenaikan pangkat Gred 54: 2 kali setahun\*
  - Kekerapan eksesais kenaikan pangkat Gred 52 : 2 kali setahun\*  
(\*Tertakluk kepada pindaan)
- 3.1.2 Bagi peningkatan ke gred khas yang lebih tinggi daripada Pensyarah Universiti Gred Khas C (Profesor), permohonan daripada pegawai adalah tidak diperlukan. Pihak Pengurusan Universiti akan mengenalpasti pemohon-pemohon yang layak bagi peningkatan dalam kategori ini untuk mengemukakan permohonan.
- 3.1.3 Setiap permohonan hendaklah dikemukakan melalui Dekan Fakulti/KPTj. Dekan Fakulti/KPTj hendaklah membuat penilaian terhadap calon melalui borang yang disertakan sebelum memajukannya kepada Pejabat Pendaftar.
- 3.1.4 Pemohon hendaklah memenuhi tempoh perkhidmatan di dalam jawatan yang berkenaan seperti berikut:

Kenaikan Pangkat	Tempoh Perkhidmatan	
	Doktor Falsafah (PhD)	Sarjana
45 - 52	Tiada tempoh minimum	Sekurang – kurangnya 10 tahun
45 - 54	Sekurang – kurangnya 3 tahun	-
45 – Khas C	Sekurang – kurangnya 5 tahun	-
51/52 – 54	Sekurang – kurangnya 3 tahun	-
51/52 – Khas C	Sekurang – kurangnya 3 tahun	-
53/54 – Khas C	Sekurang – kurangnya 3 tahun	-
Khas C – Khas B	-	-
Khas B – Khas A	-	-

- 3.1.5 Carta alir proses permohonan kenaikan pangkat adalah seperti di **Lampiran C**

### **3.2 Proses dan Prosedur Permohonan bagi Guru Bahasa**

- 3.2.1 Kenaikan pangkat Guru Bahasa bukan diberikan secara automatik. Pemohon perlu memohon untuk pertimbangan kenaikan pangkat Guru Bahasa dan permohonan adalah **terbuka sepanjang tahun** mengikut format yang telah ditetapkan.
- 3.2.2 Pemohon juga hendaklah memenuhi tempoh perkhidmatan di dalam jawatan yang berkenaan seperti berikut:

<b>Dari Gred Jawatan</b>	<b>Ke Gred Jawatan</b>	<b>Tempoh Perkhidmatan Dari Gred Semasa</b>
Gred DG41	Gred DG44	5 Tahun
Gred DG44	Gred DG48	8 Tahun
Gred DG48	Gred DG52	8 Tahun
Gred DG52	Gred DG54	4 Tahun

## **4.0 KRITERIA TAHAP KECEMERLANGAN**

### **4.1 Kriteria Tahap Kecemerlangan Pensyarah Universiti**

Kriteria tahap kecemerlangan yang dipertimbangkan adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

a) Kelulusan akademik	Calon layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred berikutnya sekiranya mempunyai kelulusan di peringkat Ph.D atau setaraf.
b) Sahsiah yang bersesuaian dengan profesi	Pemohon perlulah memiliki sahsiah yang bersesuaian dengan profesionnya.  Markah penuh untuk calon yang memenuhi syarat sahsiah ialah 5% daripada markah.  Penilaian sahsiah adalah seperti di <b>Lampiran D</b> .
c) Prestasi kecemerlangan akademik	Prestasi Kecemerlangan Akademik calon akan dinilai berdasarkan pencapaian yang cemerlang bagi setiap kriteria berikut :-  a) Pengajaran dan Penyeliaan; b) Penyelidikan dan Penerbitan; c) Pengiktirafan Akademik dan Kepimpinan Akademik; d) Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat; dan e) Perundingan / Jaringan Industri / Klinikal.  Setiap kriteria akan dinilai secara kuantitatif dan kualitatif. Tahap kecemerlangan akademik ini akan ditentukan berdasarkan laporan Penilai Dalam dan Penilai Luar terhadap
d) Prestasi temuduga	Markah temuduga kenaikan pangkat bagi jawatan staf akan ditentukan oleh Panel Temuduga.  Aspek-aspek yang dinilai semasa temuduga ialah ciri-ciri perwatakan, kebolehan berbincang, pengetahuan kerja dan pengetahuan am di samping laporan dari penilai-penilai.

#### 4.1.1 Kecemerlangan Akademik

a) Pengajaran dan Penyeliaan

- i. Keluarbiasaan dalam komitmen
- ii. Metodologi
- iii. Penggunaan teknologi ICT
- iv. Penilaian Pelajar
- v. Penyeliaan Pelajar Siswazah

b) Hasil penerbitan dan penyeliaan pelajar siswazah:

- i. Penerbitan hendaklah menjurus kepada bidang kepakaran calon. Ini dapat ditunjukkan melalui jenis jurnal / buku / bab dalam buku / makalah dan pemohon merupakan penulis utama sekurang-kurangnya 80% daripada penerbitan tersebut.
- ii. Calon yang memohon kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS54 (Profesor Madya) hendaklah menjadi '*correspondence author*' bagi satu atau lebih artikel dalam penerbitan antarabangsa. Jurnal yang diterbitkan mestilah jurnal bertaraf antarabangsa yang lazim dalam bidang calon (*main journals for the discipline*).

c) Penyelidikan dan Inovasi

- i. Peruntukan dan tajaan
- ii. Perundingan
- iii. Pembentangan / Kertas Pembentang

d) Kepimpinan akademik dan sumbangan kepada Universiti serta masyarakat

- i. Sumbangan dalam pentadbiran universiti
- ii. Anugerah Akademik / Penilai / Pemeriksa / Syarahan Jemputan
- iii. Ahli Jawatankuasa Universiti / Fakulti / Pusat
- iv. Ahli Persatuan Profesional / Akademik
- v. Mewakili Universiti /sukan / dan kegiatan bukan akademik lain
- vi. Khidmat kepada masyarakat sama ada peringkat antarabangsa/ kebangsaan / negeri / daerah / sekolah / kampung.

- 4.1.2 Wajaran / Peratusan Markah Kriteria Kenaikan Pangkat Pensyarah Gred 52-Khas A bagi Laluan Institut adalah seperti di **Lampiran D**.
- 4.1.3 Wajaran dan Cara Menilai Kenaikan Pangkat Pensyarah Universiti adalah seperti di **Lampiran E**.
- 4.1.4 Perincian beberapa kriteria umum adalah seperti di **Lampiran F**.

## **4.2 Kriteria Tahap Kecemerlangan Guru Bahasa**

Kriteria tahap kecemerlangan dipertimbangkan adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:

1.	Kelulusan akademik	Calon layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred berikutnya sekiranya mempunyai kelulusan di peringkat Sarjana atau setaraf dalam bidang bahasa daripada IPTA.
2.	Sahsiah yang bersesuaian dengan profesion	Calon yang memohon kenaikan pangkat ke jawatan DG44/DG48/DG52 perlu memenuhi syarat sahsiah iaitu 10% daripada markah penilaian.
3.	Prestasi kecemerlangan akademik	<p>Prestasi kecemerlangan akademik calon akan dinilai berdasarkan pencapaian yang cemerlang dalam bidang-bidang berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pengajaran dan pembelajaran;</li> <li>b) Kepimpinan akademik dan sumbangan kepada universiti;</li> <li>c) Sumbangan kepada masyarakat dan Negara.</li> </ul> <p>Setiap bidang akan dinilai secara kuantitatif dan kualitatif. Markah minimum untuk pemohon memenuhi kriteria ini adalah 80%.</p>
4.	Prestasi temu duga	<p>Markah temu duga kenaikan pangkat bagi jawatan staf akan ditentukan oleh Panel Temu Duga.</p> <p>Aspek-aspek yang dinilai semasa temu duga ialah ciri-ciri perwatakan, kebolehan berbincang, pengetahuan kerja dan pengetahuan am.</p>

4.2.1 Kecemerlangan Akademik

a) Pengajaran dan Pembelajaran

- i. Keluarbiasaan dalam komitmen
- ii. Metodologi
- iii. Penggunaan teknologi ICT
- iv. Penilaian Pelajar

b) Kepimpinan akademik dan sumbangan kepada Universiti serta masyarakat

- i. Sumbangan dalam pentadbiran universiti
- ii. Anugerah Akademik/Penilai/Pemeriksa/Syarahan Jemputan
- iii. Ahli Jawatankuasa Universiti/Fakulti/Pusat
- iv. Ahli Persatuan Profesional/Akademik
- v. Mewakili Universiti/sukan/ dan kegiatan bukan akademik lain
- vi. Khidmat kepada masyarakat samada peringkat antarabangsa/kebangsaan/ negeri/ daerah/ sekolah/ kampung.

4.2.2 Wajaran/ Peratusan Markah Secara Umum Kriteria Kenaikan Pangkat Guru Bahasa adalah seperti di **Lampiran G**.

4.2.3 Senarai Semak Saringan Kenaikan Pangkat Seperti Di **Lampiran H**.

## **5.0 KRITERIA SARINGAN/PENAPISAN**

- 5.1 Calon yang layak dan memenuhi prosedur permohonan akan dipertimbangkan untuk penapisan / saringan.
- 5.2 Hanya prestasi perkhidmatan dan kemajuan akademik selepas pelantikan calon dalam jawatan semasa sahaja yang akan dinilai bagi tujuan saringan kenaikan pangkat.
- 5.3 Saringan / penapisan awal dilakukan oleh Jawatankuasa Panel Kesepakaran Fakulti akan meneliti kelayakan pemohon berdasarkan tahap prestasi dan tahap kecemerlangan akademik.
- 5.4 Pihak Fakulti (Ketua Jabatan) akan mewujudkan Panel Kesepakaran Fakulti bagi memilih dan menilai setiap permohonan calon-calon yang layak untuk dipertimbangkan sebelum dibawa ke Jawatankuasa Kesepakaran Universiti dan Jawatankuasa Pemilih Universiti. Keahlian Jawatankuasa Kesepakaran Fakulti adalah seperti berikut :-

Dekan / Pengarah Institut	- Pengurus
1 Timbalan Dekan	- Ahli
2 Panel Pakar Bidang (Dalam/Luar)	- Ahli
2 ahli yang di jemput oleh Dekan berdasarkan keperluan	- Ahli
Penolong Pendaftar Fakulti	- Setiausaha

- 5.5 Lantikan ahli-ahli Jawatankuasa Kesepakaran Fakulti akan dibuat oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) berdasarkan nama-nama yang dicadangkan oleh Dekan Fakulti.
- 5.6 Fungsi Jawatankuasa Panel Kesepakaran peringkat fakulti:
  - a. Menilai kesepakaran pemohon dari segi akademik, sumbangan, dan *Key Performance Indicator* bagi permohonan jawatan Profesor Madya (Gred DS54) dan ke atas.
  - b. Memberi ulasan mengenai pencapaian pemohon untuk dinaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya (Gred DS54) dan ke atas;
  - c. Memberi ulasan dan komen penambahbaikan kepada pemohon yang difikirkan belum mempunyai kelayakan yang mencukupi untuk dinaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya (Gred DS54) dan ke atas;

- d. Merahsiakan semua maklumat pemohon yang memohon ke jawatan Profesor Madya (Gred DS54) dan ke atas.
  - e. Mencadangkan nama Penilai Dalam dan Penilai Luar bagi proses penilaian tahap kecemerlangan akademik calon.
  - f. Memperakukan penerbitan calon melalui UniSZA e-Repositori yang telah disahkan oleh perpustakaan UniSZA.
- 5.7 Jawatankuasa kesepakaran Universiti akan memperakukan laporan penilaian yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Panel Kesepakaran Fakulti berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dan mengemukakan laporan penilaian kepada jawatankuasa kenaikan pangkat bagi tujuan untuk disenaraikan. Penilaian ini adalah secara berterusan mengikut jadual sidang yang berkenaan.
- 5.8 Keahlian Jawatankuasa Panel Kesepakaran Universiti adalah seperti berikut :-
- a. Timbalan Naib Canselor - Pengerusi
  - b. Dekan - Ahli
  - c. 2 ahli yang di jemput oleh Timbalan Naib Canselor - Ahli
  - d. Timbalan Pendaftar - Ahli
  - e. Urus Setia Pusat (Penolong Pendaftar, Pejabat Pendaftar) - Setiausaha
- 5.9 Fungsi Jawatankuasa Panel Kesepakaran Universiti:
- a. Menyemak dan menapis kelayakan, kesesuaian dan tahap kecemerlangan akademik calon mengikut peraturan atau tahap yang ditetapkan;
  - b. Menentukan nama Penilai Dalam dan Penilai Luar bagi proses penilaian tahap kecemerlangan akademik calon; dan memperakukan nama calon yang layak dan sesuai untuk ditemuduga bagi tujuan kenaikan pangkat.
  - c. Memperakukan penerbitan melalui UniSZA e-Repositori yang telah disahkan oleh perpustakaan UniSZA.

- 5.10 Mengesah dan memperakukan laporan penuh Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kesepakaran Fakulti.
- 5.11 Jawatankuasa Kesepakaran Peringkat Universiti yang menilai permohonan kenaikan pangkat Guru Bahasa dan Pensyarah Gred 52 & 54 akan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).
- 5.12 Jawatankuasa Kesepakaran Peringkat Universiti yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) akan menilai permohonan kenaikan pangkat bagi jawatan Profesor.
- 5.13 Ahli silih ganti bagi setiap Ahli Jawatankuasa Panel Kesepakaran boleh dilantik kecuali bagi jawatan Pengerusi.
- 5.14 Sekiranya jawatan yang hendak dimohon mengatasi kelayakan Pengerusi Jawatankuasa Kesepakaran, maka Jawatankuasa Kesepakaran (Khas) hendaklah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Naib Canselor.
- 5.15 Calon-calon yang lulus saringan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga oleh Jawatankuasa Pemilih. Pemohon yang gagal dalam proses saringan kenaikan pangkat hanya boleh memohon semula jawatan kenaikan pangkat berkenaan selepas setahun daripada tarikh keputusan dimaklumkan.
- 5.16 Jawatankuasa yang terlibat bertanggungjawab menjamin keadilan, ketelusan dan kerahsiaan dalam proses permohonan, penilaian, pemilihan, perakuan dan kelulusan.
- 5.17 Keseluruhan proses dapat dijelaskan melalui Carta Aliran prosedur penilaian kenaikan pangkat seperti di **Lampiran I**.
- 5.18 Laporan Penilaian Jawatankuasa Kesepakaran Fakulti Untuk Permohonan Kenaikan Pangkat di **Lampiran J**.

## **6.0 PENILAI LUAR KENAIKAN PANGKAT**

- 6.1 Jawatankuasa Panel Kesepakaran Peringkat Universiti akan menentukan nama Penilai Luar bagi setiap permohonan setelah calon melepassi tapisan awal kenaikan pangkat. Penilai luar akan membuat penilaian terhadap kecemerlangan akademik calon berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan. Semua laporan Penilai Luar hendaklah sampai kepada Urus setia pada masa yang ditetapkan sebelum temu duga.
- 6.2 Penilai Luar untuk urusan kenaikan pangkat hendaklah mempunyai kepakaran di dalam bidang yang sama/berkaitan dengan bidang kepakaran calon dan berkhidmat dengan organisasi selain UniSZA samada organisasi dalam atau luar Negara serta mempunyai gred yang lebih tinggi daripada calon.
- 6.3 Penilai Luar kenaikan pangkat hendaklah bertaraf Profesor yang telah diiktiraf oleh UniSZA. Bilangan Penilai Luar untuk urusan kenaikan pangkat jawatan Pensyarah Universiti ditetapkan seperti mana berikut :-

<b>Gred Kenaikan Pangkat</b>	<b>Dalam Negara</b>	<b>Luar Negara</b>
Gred 52	Tiada	Tiada
Gred 54	2 orang	Tiada
Gred Khas C	3 orang	2 orang
Gred Khas B & A	2 orang	1 orang

- 6.5 Penilai yang dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
- a) Sekurang-kurangnya seseorang yang menjawat jawatan yang setaraf dengan jawatan yang dinilai, dari Universiti/ Institusi Pengajian Tinggi dalam atau luar negara, atau yang setaraf dengannya.
  - b) Seseorang yang dapat memberi penilaian pakar/profesional mengenai calon yang dinilai.
  - c) Seseorang yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan/persaudaraan dengan calon dinilai dengan pengesahan fakulti bagi mengelakan hubungan.
  - d) Seseorang Penilai kenaikan pangkat adalah yang tidak ada hubungan usahasama secara lansung dengan calon dinilai. Contoh, Penyelia Tesis, Penulis/Penyelidik bersama dan sebagainya.

6.6 Tugas dan tanggungjawab Penilai Luar kenaikan pangkat

- a. Menilai kesesuaian calon secara umum dari aspek akademik dan profesional untuk pertimbangan kenaikan pangkat ke gred jawatan yang dipohon.
- b. Menyediakan laporan penilaian/ulasan pakar dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Kenaikan Pangkat (Jawatankuasa Pemilih Universiti).
- c. Penilaian yang dibuat hendaklah mengikut kriteria dan format yang ditetapkan oleh Universiti.

6.7 Setiap Penilai Kenaikan Pangkat yang mengemukakan laporan penilaian akan dibayar elauan bagi setiap laporan seperti berikut :-

<b>Kategori Penilai Luar</b>	<b>Jumlah Elaun</b>
Dalam Negara	RM 700.00
Luar Negara	USD 300.00

6.8 Calon-calon yang lulus penilaian sahaja yang akan dipanggil temuduga.

## **7.0 JAWATANKUASA PEMILIH DAN PIHAK BERKUASA MELULUSKAN KENAIKAN PANGKAT**

### **7.1 Lantikan Pensyarah Gred C, B dan A**

